

**INTERNATIONAL CONFERENCE ON RESEARCH
IN ISLAMIC AND ARABIC LANGUAGE EDUCATION 2012
(ICRIALE 2012)**



**PENGUASAAN BACAAN HUKUM NUN SAKINAH DALAM TILAWAH
AL-QURAN PELAJAR-PELAJAR BERMASALAH PENGLIHATAN DI
MALAYSIA**

Hajarul Bahti Zakaria
Universiti Kebangsaan Malaysia

Mohd Huzairi Awang @ Husain
Universiti Malaya

Ab. Halim Tamuri
Universiti Kebangsaan Malaysia

Abstrak : Kajian ini adalah satu tinjauan yang bertujuan mengenal pasti tahap penguasaan hukum nun sakinah dalam kalangan pelajar bermasalah penglihatan di Malaysia. Sampel kajian terdiri daripada pelajar-pelajar bermasalah penglihatan peringkat menengah atas dari Sekolah Menengah Pendidikan Khas dan Program Pendidikan Khas Integrasi seluruh Malaysia. Satu ujian bacaan berdasarkan sukatan Asuhan Tilawah al-Quran, komponen mata pelajaran Pendidikan Islam KBSM telah ditadbir bagi menguji tahap penguasaan bacaan al-Quran pelajar dari aspek nun sakinah. Dapatan kajian menunjukkan bahawa keseluruhan pelajar tidak mencapai tahap penguasaan yang memuaskan dalam bacaan al-Quran berdasarkan hukum nun sakinah. Min tahap penguasaan pelajar berada pada tahap yang sangat lemah dengan min keseluruhan = 19.57, sisihan piawai=27.09. Dapatan juga mendapati terdapat perbezaan skor min dalam penguasaan hukum nun sakinah di antara pelajar-pelajar buta (min=38.15) dengan pelajar-pelajar rabun (min=10.55) dan juga di antara pelajar-pelajar yang telah khatam al-Quran (min=33.13) dengan pelajar-pelajar yang belum khatam al-Quran (min=11.92). Penemuan ini menimbulkan pelbagai persoalan untuk dibincang dan diketengahkan. Diharap kajian ini mampu menimbulkan kesedaran dan membuka mata semua pihak dalam usaha meningkatkan proses pengajaran dan pembelajaran khususnya dalam Pendidikan al-Quran pelajar-pelajar bermasalah penglihatan.

Abstract: This study is a survey aimed at identifying the level of nun sakinah reading among students with visual impairment in Malaysia. The sample consisted of visually impaired students at the secondary level for students from Special Education and Special Education Program Integrasi throughout Malaysia. A reading test based on the silibus of Asuhan Tilawah al-Quran component in Islamic Education subject KBSM was administered to test the proficiency level of students reading the nun sakinah. The results showed that students generally do not achieve a satisfactory level of mastery in reading the nun sakinah. The mean level of reading are at very low levels with a mean total = 19.57, standard deviation

= 27.09 The findings also revealed that there are differences in mean scores in reading the nun sakinah mastery of blind students (mean = 38.15) with low vision students (mean = 10.55) and between the students who have finished reading the whole Quran (mean = 33.13) with students who have not finished reading the whole of the Qur'an (mean = 11.92). These findings raise many questions to be discussed and highlighted. It is hoped the study will raise awareness and open the eyes of all parties in an effort to improve teaching and learning process, especially in al-Quran education of students with visual impairment.

PENDAHULUAN

Pendidikan al-Quran lebih luas dan lebih mendalam daripada semua falsafah yang dibina, kerana al-Quran kitab Allah dan dustur ummah, mendidik manusia untuk menjadi seorang warganegara yang baik atau pekerja yang mahir, dedikasi serta amanah supaya bekerja bersungguh-sungguh kerana Allah (Mohd Yusuf Ahmad, 2000) Justeru Kementerian Pelajaran Malaysia telah mengambil pelbagai inisiatif dalam usaha mempertingkatkan hasil pengajaran dan pembelajaran al-Quran termasuklah memperkenalkan strategi pengajaran, kaedah dan pendekatan yang sesuai bagi memastikan al-Quran dapat dikuasai sebaiknya oleh pelajar-pelajar yang terlibat dalam sistem pendidikan kebangsaan.

Pada tahun 1988 sewaktu Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) diperkenalkan, Kementerian Pelajaran Malaysia telah meletakkan kemahiran membaca al-Quran sebagai komponen penting yang perlu dikuasai oleh pelajar dalam sukatan mata pelajaran Pendidikan Islam (Mohd Yusuf Ahmad, 1990). Pelajar-pelajar pendidikan khas (bermasalah penglihatan) juga terlibat dengan kurikulum dan penilaian yang sama dengan pelajar-pelajar tipikal di sekolah biasa termasuk dalam perkara Tilawah al-Quran. (Nafishah Ab. Karim, (2000); RoshaidaYaacob, 2004).

Program pendidikan khas yang dilaksanakan terhadap warga bermasalah penglihatan di negara ini merupakan sebahagian daripada Dasar Pendidikan Kebangsaan yang tidak mengabaikan hak dan peluang bagi orang bermasalah penglihatan untuk terlibat sama dalam sistem pendidikan formal (Wong Huey Siew, 2005). Selari dengan pelajar arus perdana, pelajar pendidikan khas di sekolah rendah dan menengah yang mengikuti kurikulum kebangsaan juga mempunyai ruang dan peluang yang sama dengan pelajar tipikal untuk mengikuti peperiksaan awam, melanjutkan pelajaran serta terlibat dengan pelbagai kemudahan yang disediakan sebagaimana pelajar-pelajar di arus perdana yang lain (RoshaidaYaacob, 2004).

PERNYATAAN MASALAH

Isu-isu yang wujud dalam pengajaran Pendidikan Islam komponen Tilawah al-Quran di sekolah-sekolah di Malaysia adalah kelemahan pelajar dalam aspek penguasaan bacaan (Syed Ahmad, Khairul Anuar & Mohd Zohdi, 2003; Misnan (2008); Aderi (2008). Banyak kajian-kajian menyatakan tentang masalah tersebut. Walau bagaimanapun, kebanyakan kajian hanya memfokuskan kepada

pelajar-pelajar tipikal dan masih kurang kajian secara empirikal yang mengkaji tentang penguasaan pelajar-pelajar khas (bermasalah penglihatan) dalam perkara ini. Merujuk kepada kajian yang dijalankan terhadap pelajar-pelajar Program Pendidikan Khas di sekolah kelemahan yang dikenal pasti adalah merangkumi aspek pengetahuan tajwid, penguasaan al-Quran Braille (RoshaidaYaacob, 2004), penguasaan huruf hija'iyah dan sikap negatif pelajar yang masih ada sisa penglihatan (Norshidah 2004).

Pelajar bermasalah penglihatan kurang arif dalam bidang berkaitan dengan hukum tajwid, mungkin terkeliru dengan sesetengah huruf yang hampir sama dari segi susunan titik-titiknya. Dengan sebab itu, maka penguasaan bacaan al-Quran mereka juga menjadi berkurangan. Namun terdapat golongan yang agak mahir dengan al-Quran Braille, tidak menjadi masalah yang besar kepada mereka untuk membaca al-Quran, tetapi mereka perlu berhati-hati ketika membacanya untuk memastikan ketepatan sebutan dan makhraj huruf (RoshaidaYaacob, 2004).

Norshidah Mohd Salleh et al (2004) menyatakan masalah yang wujud dalam pembelajaran Tilawah al-Quran pelajar bermasalah penglihatan ialah pelajar tidak mahir kod Braille al-Quran. Ini berlaku terhadap murid yang lemah pencapaian akademik dan sukar menguasai pelajaran apatah lagi untuk menghafal kod-kod Braille al-Quran. Manakala bagi murid yang pencapaian akademiknya baik, mereka tidak mempunyai masalah untuk menguasai kod-kod Braille al-Quran. Selain daripada itu, sikap negatif pelajar yang masih ada sisa penglihatan menjadi masalah utama dalam pengajaran dan pembelajaran Tilawah al-Quran.

Perkara yang berlaku menyebabkan aktiviti pengajaran dan pembelajaran Tilawah al-Quran pelajar-pelajar bermasalah penglihatan menghadapi masalah untuk dilaksanakan dan penguasaan pelajar berada pada tahap yang minima untuk membaca al-Quran. Justeru, kajian ini cuba menganalisa secara lebih terperinci bacaan al-Quran pelajar bagi mendapatkan satu gambaran yang tepat, empirikal dan sistematik tentang tahap penguasaan bacaan al-Quran pelajar-pelajar bermasalah penglihatan dari aspek hukum nun sakinah sahaja. Hasil dapatan diharap dapat membuka mata pihak yang bertanggungjawab bagi meningkatkan pengajaran dan pembelajaran al-Quran dalam kalangan pelajar berkeperluan khas bermasalah penglihatan di negara kita.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk mendapat gambaran tentang tahap penguasaan bacaan al-Quran pelajar-pelajar bermasalah penglihatan di Sekolah Menengah Pendidikan Khas dan Program Integrasi Pendidikan Khas dari aspek nun sakinah. Secara lebih khusus, kajian ini bertujuan:

- 1) Menenal pasti tahap penguasaan bacaan hukum nun sakinah pelajar-pelajar bermasalah penglihatan.
- 2) Melihat perbezaan tahap penguasaan bacaan hukum nun sakinah di antara pelajar-pelajar buta dengan pelajar-pelajar rabun

- 3) Melihat perbezaan tahap penguasaan bacaan hukum nun sakinah di antara pelajar yang telah khatam al-Quran dengan pelajar yang belum khatam al-Quran

PERSOALAN KAJIAN

- 1) Bagaimanakah tahap penguasaan bacaan hukum nun sakinah pelajar-pelajar bermasalah penglihatan?
- 2) Adakah terdapat perbezaan tahap penguasaan bacaan hukum nun sakinah di antara pelajar-pelajar buta dengan pelajar-pelajar rabun?
- 3) Adakah terdapat perbezaan tahap penguasaan bacaan hukum nun sakinah di antara pelajar-pelajar yang telah khatam al-Quran dengan pelajar-pelajar yang belum khatam al-Quran?

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini adalah berbentuk tinjauan. Satu ujian bacaan dijalankan terhadap pelajar-pelajar bermasalah penglihatan bagi menguji tahap penguasaan bacaan al-Quran mereka dari aspek sebutan hukum nun sakinah berdasarkan sukatan Pendidikan Islam KBSM Komponen Asuhan Tilawah al-Quran bahagian Ayat Tilawah, Kementerian Pelajaran Malaysia. Sampel kajian yang dipilih adalah pelajar-pelajar menengah atas di Sekolah Menengah Pendidikan Khas, dan juga pelajar-pelajar menengah atas di Program Pendidikan Khas Integrasi. Pelajar-pelajar diuji dengan 25 item ujian bacaan ayat-ayat al-Quran yang telah dipilih berdasarkan sukatan ayat Tilawah dari Tingkatan 1 sehingga 4 dalam komponen Pendidikan Islam KBSM. Terdapat 5 hukum tajwid (nun sakinah) yang telah dinilai dalam bacaan iaitu Izhar Halqi, Ikhfa' Haqiqi, Idgham ma'al ghunnah, Idgham bila ghunnah dan Iqlab. Setiap hukum tajwid diwakili oleh 5 item. Bacaan pelajar dirakam dan dianalisis satu persatu dari aspek ketepatan atau kesalahan bacaan. Manakala borang soal selidik digunakan untuk mengumpul maklumat responden bagi mengenal pasti jantina, jenis kecacatan dan juga khatam al-Quran. Dapatan ujian dianalisis secara deskriptif untuk menghuraikan tahap penguasaan bacaan pelajar dari aspek sebutan hukum nun sakinah.

DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian yang dilaporkan ini adalah sebahagian daripada kajian calon Doktor Falsafah. Laporan dapatan dibahagikan kepada dua bahagian. Bahagian pertama akan menjelaskan tentang profil responden, manakala bahagian kedua akan menjelaskan tentang dapatan objektif yang ingin dicapai dalam kajian ini. Seramai 97 orang responden dari seluruh Malaysia telah menyertai kajian ini. Berikut adalah taburan sampel berdasarkan jantina:

Jadual 1 : Taburan responden mengikut jantina

Jantina	N	Peratusan
Lelaki	54	55.7%
Perempuan	43	44.3%
Jumlah	97	100%

Berdasarkan Jadual 1 seramai 54 responden (55.7%) adalah pelajar lelaki dan 43 responden (44.3%) adalah pelajar perempuan. Taburan sampel berdasarkan kategori sekolah pula sebagaimana dalam Jadual 2 berikut :

Jadual 2 : Taburan responden mengikut kategori sekolah

Kategori sekolah	N	Peratusan
Sekolah Menengah Pendidikan Khas	39	40.2%
Program Pendidikan Khas Integrasi	58	59.8%
Jumlah	97	100%

Berdasarkan jadual di atas seramai 39 responden (40.2%) adalah dari Sekolah Menengah Pendidikan Khas, manakala 58 responden (59.8%) adalah dari Program Pendidikan Khas Integrasi. Manakala taburan responden berdasarkan jenis kecacatan sebagaimana dalam Jadual 3:

Jadual 3 : Taburan responden mengikut jenis kecacatan

Jenis kecacatan	N	Peratusan
Buta	31	32%
Rabun	66	68%
Jumlah	97	100%

Berdasarkan Jadual 3 di atas, terdapat 31 responden buta (32%) dalam kajian ini. Manakala bilangan responden rabun adalah seramai 66 orang (68%). Dapatan kajian mendapati 35 responden (36.1%) dalam kajian ini telah khatam atau menamatkan bacaan al-Quran 30 juzuk, manakala 62 responden (63.9%) lagi masih belum khatam atau menamatkan bacaan al-Quran sebanyak 30 juzuk. Data ini menunjukkan masih ramai dalam kalangan pelajar menengah atas bermasalah penglihatan yang sudah akil baligh (mukallaf) tetapi masih belum menamatkan bacaan al-Quran 30 juzuk (khatam al-Quran).

Jadual 4 : Taburan responden mengikut pencapaian khatam al-Quran

Khatam al-Quran	N	Peratusan
Sudah khatam al-Quran	35	36.1%
Belum khatam al-Quran	62	63.9%
Jumlah	97	100%

Analisis penguasaan bacaan al-Quran dari aspek sebutan hukum nun sakinah

Dapatan tahap penguasaan bacaan hukum nun sakinah pelajar-pelajar bermasalah penglihatan dikategorikan kepada 6 tahap berdasarkan sumber yang telah digunakan oleh Farehan (2000) dan Mohd Aderi (2008). Jadual 5 berikut memaparkan dapatan analisis penguasaan bacaan sebutan hukum nun sakinah responden:

Jadual 5 : Tahap penguasaan hukum nun sakinah

Pencapaian ujian bacaan al-Quran	Frekuensi	Peratus	Tahap
0-50	82	(84.5)	Sangat Lemah
51-60	2	(2.1)	Lemah

61-70	6	(6.2)	Sederhana
71-80	7	(7.2)	Baik
81-90	0	(0)	Sangat Baik
91-100	0	(0)	Cemerlang
Jumlah	97	(100)	
Min keseluruhan = 19.57		Sisihan piawai = 27.09	

Jadual di atas menunjukkan analisis skor pencapaian bacaan al-Quran pelajar-pelajar bermasalah penglihatan. Tidak ada responden yang mendapat skor pencapaian antara 91-100 dan juga antara 81-90, 7 orang responden (7.2%) mendapat skor pencapaian 71-80, 6 orang responden (6.2%) mendapat skor pencapaian 61-70, 2 orang responden (2.1%) mendapat skor pencapaian 51-60 dan skor pencapaian antara 0-50 adalah paling ramai iaitu seramai 82 orang responden (84.5%). Purata skor min keseluruhan = 19.57 dan sisihan piawai = 27.09. Ini menunjukkan tahap penguasaan bacaan hukum nun sakinah pelajar-pelajar bermasalah penglihatan berada pada tahap yang sangat lemah. Skor markah tertinggi adalah 78.6%, manakala skor markah terendah adalah 0%. Analisis terperinci setiap satu hukum tajwid dalam komponen hukum nun sakinah yang dinilai dalam ujian bacaan al-Quran dapat dilihat dalam Jadual 6 di bawah :

Jadual 6 : Tahap penguasaan bacaan hukum nun sakinah berdasarkan komponen hukum

Komponen Hukum Tajwid	Tahap (Frekuensi & Peratusan)						Min	S.P
	AL (0-50)	L (51-60)	S (61-70)	B (71-80)	SB (81-90)	C (91-100)		
Iqlab	81 (46.0)	3 (1.7)	5 (2.8)	4 (2.3)	3 (1.7)	1 (0.6)	19.9 4	28.41
Idgham Ma'al	80 (45.5)	2 (1.1)	3 (1.7)	2 (1.1)	4 (2.3)	5 (2.8)	22.5 7	32.53
Ikhfa' Haqiqi	66 (37.5)	17 (9.7)	1 (0.6)	6 (3.4)	5 (2.8)	1 (0.6)	22.9 5	31.97
Idgham Bila	78 (44.3)	4 (2.3)	2 (1.1)	5 (2.8)	5 (2.8)	3 (1.7)	23.2 3	32.15
Izhar Halqi	63 (35.8)	17 (9.7)	1 (0.6)	4 (2.3)	4 (2.3)	8 (4.5)	26.4 5	35.34

Berdasarkan Jadual 6 di atas, analisis penguasaan bacaan al-Quran mengikut hukum tajwid disusun mengikut pangkatan dari rendah kepada tinggi. Skor min paling rendah penguasaan hukum nun sakinah berada pada hukum Iqlab dengan min 19.94. Manakala pelajar paling ramai dapat menguasai hukum Izhar Halqi dengan min 26.45. Walau bagaimanapun, secara keseluruhannya kesemua penguasaan bacaan al-Quran pelajar mengikut hukum nun sakinah masih berada pada tahap yang sangat lemah.

Ini menunjukkan pelajar-pelajar bermasalah penglihatan masih tidak mencapai tahap penguasaan yang sepatutnya dalam bacaan al-Quran mengikut kehendak sukatan pelajaran Pendidikan Islam KBSM, Kementerian Pelajaran Malaysia.

Pada dasarnya, pelajar-pelajar sepatutnya sudah dapat menguasai bacaan hukum tersebut kerana telah melalui kurikulum Pendidikan Islam Asuhan Tilawah al-Quran tentang hukum tajwid nun sakinah sewaktu Tingkatan Satu lagi, sedangkan ujian telah dilaksanakan sewaktu pelajar sudah berada dalam Tingkatan Empat. Sepatutnya sukatan pelajaran telah habis dipelajari dan pelajar telah mahir menyebut dan mengaplikasikan hukum tajwid tersebut ke dalam bacaan mereka. Walau bagaimanapun, pelajar-pelajar masih tidak dapat menguasai bacaan hukum nun sakinah sebagaimana yang dikehendaki.

Tahap penguasaan bacaan hukum nun sakinah pelajar berdasarkan jenis kecacatan

Bahagian ini membincangkan jawapan persoalan kajian 2: Adakah terdapat perbezaan tahap penguasaan bacaan hukum nun sakinah di antara pelajar bermasalah penglihatan penuh (buta) dengan bermasalah penglihatan terhad. Hasil ujian-t yang dijalankan dipaparkan dalam Jadual 7 di bawah:

Jadual 7 : Ujian-t: Perbezaan skor min tahap penguasaan bacaan hukum nun sakinah pelajar berdasarkan jenis kecacatan

Jenis kecacatan	N	Min	S.P	t	df	Asymp. Sig. (2-tailed)
Buta	31	38.15	31.20	5.23	95	0.000
Rabun	66	10.85	19.85			

* Signifikan pada aras 0.05

Dapatan Ujian-t seperti dalam Jadual 7 di atas menunjukkan terdapat perbezaan skor min yang signifikan ($P=0.000$, $p<0.05$) ($t=5.23$) di antara pelajar-pelajar buta (min=38.15) dengan pelajar-pelajar rabun (min=10.85) dalam penguasaan bacaan hukum nun sakinah. Oleh itu analisis ini menunjukkan terdapat perbezaan tahap penguasaan bacaan hukum nun sakinah di antara pelajar-pelajar buta dengan pelajar-pelajar rabun. Pelajar-pelajar buta didapati lebih baik tahap penguasaan bacaan hukum nun sakinah mereka berbanding pelajar-pelajar rabun.

Tahap penguasaan bacaan hukum nun sakinah pelajar berdasarkan khatam al-Quran

Bahagian ini membincangkan jawapan persoalan kajian 3: Adakah terdapat perbezaan tahap penguasaan bacaan hukum nun sakinah di antara pelajar-pelajar yang telah khatam al-Quran dengan pelajar-pelajar yang belum khatam al-Quran. Hasil ujian-t yang dapat dilihat dalam Jadual 8 di bawah.

Jadual 8 : Ujian-t: Perbezaan skor min tahap penguasaan bacaan hukum nun sakinah pelajar berdasarkan khatam al-Quran

Khatam al-Quran	N	Min	S.P	t	df	Asymp. Sig. (2-tailed)
Ya	35	33.13	30.80	3.99	95	0.000
Tidak	62	11.92	21.47			

* Signifikan pada aras 0.05

Jadual 8 di atas menunjukkan terdapat perbezaan skor min yang signifikan ($P=0.000$, $p<0.05$) ($t= 3.99$) di antara pelajar-pelajar yang telah khatam al-Quran (min=33.13.) dengan pelajar-pelajar yang belum khatam al-Quran (min=11.92) dalam penguasaan bacaan hukum nun sakinah. Oleh itu analisis ini menunjukkan terdapat perbezaan tahap penguasaan bacaan hukum nun sakinah di antara pelajar-pelajar yang telah khatam al-Quran dengan pelajar-pelajar yang belum khatam al-Quran. Pelajar-pelajar yang telah khatam al-Quran didapati lebih menguasai bacaan hukum nun sakinah berbanding pelajar-pelajar yang belum khatam al-Quran.

PERBINCANGAN DAN CADANGAN

Dapatan kajian menunjukkan tahap penguasaan bacaan hukum nun sakinah pelajar-pelajar menengah atas di SMPK dan Program Pendidikan Khas Integrasi berada pada tahap yang amat lemah. Ini menunjukkan mereka tidak mencapai objektif yang dikehendaki oleh Kementerian Pelajaran Malaysia agar semua pelajar menengah atas dapat membaca al-Quran mengikut sukatan pelajaran Pendidikan Islam KBSM yang telah ditetapkan. Sedangkan hukum nun sakinah adalah perkara asas yang memang perlu dikuasai oleh pelajar-pelajar pada peringkat tingkatan satu lagi.

Dapatan lain juga menunjukkan bahawa terdapat satu jurang perbezaan yang wujud dalam tahap penguasaan bacaan hukum nun sakinah di antara pelajar-pelajar bermasalah penglihatan penuh (buta) dengan bermasalah penglihatan terhad (rabun) dan juga di antara pelajar-pelajar yang telah khatam al-Quran dan belum khatam al-Quran. Perkara ini menimbulkan satu persoalan yang perlu diselesaikan mengapa wujud jurang perbezaan yang jauh, dan jalan penyelesaian perlu difikirkan untuk memperbaiki perkara tersebut agar penguasaan bacaan al-Quran dapat dipertingkatkan dan jurang perbezaan dapat dikurangkan.

Penguasaan bacaan al-Quran khususnya dalam menguasai hukum nun sakinah merupakan satu perkara yang tidak boleh dipandang mudah, lebih-lebih lagi terhadap pelajar-pelajar berkeperluan khas khususnya pelajar bermasalah penglihatan. Dalam hal ini, Kementerian Pelajaran Malaysia, khususnya guru-guru Pendidikan Islam mempunyai tanggungjawab yang berat bagi memastikan pelajar-pelajar bermasalah penglihatan mendapat pendidikan yang sebaiknya agar dapat menguasai bacaan al-Quran menurut sukatan yang telah ditetapkan dalam KBSM sistem pendidikan kebangsaan. Selaras dengan dapatan kajian ini, untuk mencapai hasrat tersebut, beberapa perkara dicadangkan perlu dilakukan:

- 1) Semasa pengajaran al-Quran guru perlu memberi penumpuan lebih khusus terhadap bacaan al-Quran selain daripada komponen-komponen lain dalam mata pelajaran Pendidikan Islam
- 2) Guru-guru perlu merancang dan memperbaiki pengajaran, dan pengajaran perlu dilaksanakan sebaik mungkin dengan memberi penekanan kepada pengajaran asas tajwid yang benar-benar berkesan agar mampu dikuasai dan diaplikasikan ke dalam bacaan al-Quran oleh para pelajar khususnya

memberi penumpuan kepada apa yang terdapat dalam sukatan pelajaran yang telah ditetapkan.

- 3) Guru-guru perlu mengenal pasti keperluan yang berbeza di antara pelajar-pelajar buta dengan rabun dalam melaksanakan P&P Tilawah al-Quran (Keperluan kepada pengasingan kelas berdasarkan jenis kecacatan).

PENUTUP

Pengajaran Tilawah al-Quran terhadap pelajar-pelajar bermasalah penglihatan perlu diberi perhatian serius sebagaimana pelajar tipikal bagi memastikan mereka juga dapat menguasai bacaan al-Quran dengan baik khususnya dalam menguasai hukum tajwid nun sakinah. Penguasaan hukum tajwid yang baik atau tidak, akan mempengaruhi bacaan al-Quran seterusnya mempengaruhi ibadah khusus setiap insan, terutama dalam menunaikan solat lima waktu. Sekiranya sesuatu hukum tajwid tidak dapat dikuasai oleh pelajar, maka tentu bacaan al-Quran yang dibaca juga akan menjadi tidak tepat, ini akan menjejaskan ibadah yang dilakukan, sedangkan pelajar-pelajar bermasalah penglihatan ini juga berkemampuan untuk menguasainya bacaan al-Quran dengan baik sekiranya dilatih dan diberi penekanan sejak awal bagi menguasai hukum tajwid dan mengaplikasikannya ke dalam bacaan al-Quran. Oleh sebab itu, guru-guru yang mengajar Tilawah al-Quran terhadap golongan ini perlu sedar bahawa mereka mempunyai tanggungjawab yang besar agar pelajar-pelajar dapat membaca al-Quran dengan betul dan bertajwid. Guru-guru perlu memastikan pelajar-pelajar diberikan pengajaran dan pembelajaran yang berkesan untuk meningkatkan keupayaan mereka dalam penguasaan bacaan al-Quran.

RUJUKAN

- Kementerian Pendidikan Malaysia (2002). Sukatan Pelajaran Pendidikan Islam, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2002) Huraian Sukatan Pendidikan Islam (KBSM) Tingkatan Satu-Empat, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Mohd Yusuf Ahmad (1990). Kaedah Pendidikan al-Quran. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Nafishah Ab. Karim (2000). Kurikulum Orientasi dan Mobiliti untuk Pelajar Bermasalah Penglihatan. Bangi: UKM.
- Norani Mohd Salleh (1990). Satu perbandingan mengenai dua kaedah pembelajaran untuk kanak-kanak rabun dan cacat penglihatan. Bangi: Fakulti Pendidikan UKM.
- Norshidah Mohd Salleh, Khadijah Abdul Razak, Norani Mohd Salleh (2004). Strategi Pengajaran al-Quran di kalangan Murid Bermasalah Penglihatan. Seminar Kebangsaan Pendidikan Khas Kejayaan Kanak-kanak Berkeperluan Khas: Perkongsian Bersama (p. 12). Bangi: Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Roshaida Yaacob (2004). Al-Quran Braille, Kaedah Penerbitan dan Sumbagannya kepada Golongan Cacat Penglihatan: Kajian di Persatuan Orang-orang Cacat Penglihatan Islam Malaysia (PERTIS). Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Wong Huey Siew (2005). Persekitaran Pembelajaran Pelajar Cacat Penglihatan di Sekolah Menengah Pendidikan Khas: analisis dari perspektif sosilogi. Fakulti Pendidikan Universiti Malaya.